



Isnin, Oktober 27, 2014

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

## BERITA »

## Laman web UPM raih kedudukan 61 terbaik dunia Ranking Webometric

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh



**SERDANG** : Universiti Putra Malaysia (UPM) terus cemerlang dengan meraih kedudukan ke 61 dunia untuk penunjuk *presence* dalam Ranking Webometrics iaitu ranking laman web institusi pengajian tinggi dunia.

Ranking itu menilai lebih 20,000 institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh dunia di mana 90 IPT bagi penilaian Julai 2014 ialah dari Malaysia (20 awam dan 70 swasta).

Penilaian Julai 2014 itu turut mencatatkan penunjuk *openness* UPM ke 136 terbaik dunia, berbanding penilaian Januari 2013 iaitu ke 193 (*presence*) dan 216 (*openness*) dunia. UPM tersenarai dalam 200 universiti terbaik bagi kedua-dua penunjuk berkenaan.

Selain dua penunjuk itu, ranking Webometrics menilai penunjuk *impact* dan *excellence*. Secara keseluruhan, UPM mencatatkan kedudukan dalam 600 laman web terbaik IPT dunia (Webometrics Ranking) bagi tiga tahun berturut-turut sejak 2009 hingga kini dan juga yang kesembilan terbaik di Asia Tenggara.

*Presence* bermaksud bilangan laman web yang menggunakan domain universiti (termasuk subdomain dan direktori) dari IPT yang diindeks oleh Google. Penilaian mengambil kira setiap laman web, termasuk semua format yang diakui secara individual oleh Google, halaman statik dan dinamik serta rich files yang lain.

*Openness* mengambil kira jumlah file dokumen seperti Adobe Acrobat (.pdf), Adobe PostScript (.ps, .eps), Microsoft Word (.doc, .docx) and Microsoft Powerpoint (.ppt, .pptx) pada paparan tertentu, misalnya perpustakaan, yang juga turut memaparkan artikel-artikel bersifat akademik yang diperolehi daripada Google Scholar.

Webometrics adalah sistem penarafan di mana laman web dan visibiliti digunakan sebagai indikator untuk mengukur prestasi universiti pada peringkat global yang dijalankan oleh Cybermetrics Lab (Majlis Penyelidikan Negara Sepanyol, CSIC).

Penilaian berdasarkan empat penunjuk utama penarafan web universiti iaitu *impact* (50%) dan bakinya iaitu *presence*, *openness* dan *excellence* yang diterbitkan setiap enam bulan pada Januari dan Julai setiap tahun.

Naib Canselor UPM, Prof. DatoqDr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata semua indikator itu mengambil kira komitmen universiti terhadap pengajaran, hasil penyelidikan, prestij antarabangsa, rangkaian dengan komuniti termasuk industri dan sektor ekonomi.

☞ Pencapaian yang meningkat bagi tiga kriteria penilaian Webometrics - *presence*, *openness* dan *excellence* pada Julai 2014 berbanding tahun 2013 menunjukkan inisiatif penempatan laman web setiap jabatan dalam UPM menyumbang kepada peningkatan prestasi Webometric UPM, +katanya mengulas lanjut pencapaian terbaru itu.

